Petikan Titah
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Sempena
LAWATAN TIDAK BERJADUAL KE KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
30 NOVEMBER 2020

"Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bertanggung jawab dalam hal ehwal budaya, belia dan sukan serta secara khusus menangani pembangunan masyarakat. Bidang tanggung jawab kementerian ini memanglah luas, kerana itu ia di peruntukkan satu peruntukkan yang hampir mencecah 94 juta bagi Tahun Kewangan 2019-2020, dengan peningkatan sebanyak 22 perpuluhan 8 peratus dari tahun sebelumnya. Kementerian ini perlu benar-benar peka dan sentiasa menilai program-program yang dirancangnya, terutama program-program berpembentukkan jati diri bagi belia kerana situasi masa kini sangat merunsingkan, dengan para belia mudah terjebak kepada perkara-perkara yang tidak diingini."

MAJLIS BACAAN YA'SIN DAN TAHLIL KHUSUS BAGI AL-MARHUM DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA HAJI 'ABDUL 'AZIM IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH

Di Dewan Digadong,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Isnin, 16 Rabiulawal 1442/02 November 2020, Jam 7.45pagi

Bandar Seri Begawan, Isnin, 02 November 2020 – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengadakan Majlis Bacaan Tahlil dan Doa Tahlil khusus bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Majlis berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir ke majlis tersebut Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar), Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), Yang Mulia Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan), Yang Mulia Dayang Saidah binti Haji Wahid, Timbalan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) dan Yang Mulia Dayang Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan pega-

PERSIDANGAN PEMIMPIN BELIA ASEAN SELARAS DENGAN SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE-37

Bandar Seri Begawan, Selasa, 3 November 2020 – Salah satu faktor pemerkasaan belia Brunei secara berterusan ialah melalui kerjasama antarabangsa dengan para belia di peringkat ASEAN bersama rakan dialog ASEAN. Perkara ini diketengahkan oleh Yang Berhormat Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam, semasa Persidangan Pemimpin Belia ASEAN selaras dengan Sidang Kemuncak ASEAN ke-37, yang diadakan melalui Persidangan Video. Persidangan ini dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Nguyen Anh Tuan, *Chairman of the National Committee on Youth of Viet Nam, Permanent Secretary of the Ho Chi Minh Communist Youth Union*, dan dihadiri oleh Menteri-Menteri ASEAN yang bertanggungjawab untuk hal ehwal belia dan Setiausaha Agung ASEAN.

Semasa persidangan tersebut, Yang Berhormat Dato mengongsikan mengenai pembangunan belia di Negara Brunei Darussalam yang mana para belia adalah lebih bertenaga, berpandangan dan lebih berani dalam membuat tindakan. Ini dibuktikan melalui kejayaan mereka dalam pelbagai bidang termasuk keusahawanan, seni kreatif, ekonomi digital, kesukarelawanan dan sumbangan aktif dalam pembangunan negara. Belia juga telah terlibat secara aktif di peringkat strategik terutamanya dalam penggubalan dasar di peringkat kebangsaan seperti dalam kajian semula Dasar Belia Negara Brunei Darussalam, Dasar Perubahan Iklim dan Pelan Induk Ekonomi Digital 2025. Yang Berhormat Dato seterusnya menekankan bahawa dari segi pemerkasaan belia, apa yang penting adalah merealisasikan pandangan dan cadangan mereka menjadi tindakan yang praktikal. Yang Berhormat Dato seterusnya menyeru ASEAN untuk terus maju bersama dengan rakan-rakan strategik untuk memperluas akses digital, mempromosikan kemahiran digital, dan menyediakan dana asas menyokong para belia menerapkan norma baharu serta menjadikan mereka siap siaga bagi masa hadapan, selaras dengan Pelan Kerja ASEAN mengenai belia.

Yang Berhormat Dato juga menegaskan akan pentingnya kerjasama antarabangsa belia di peringkat ASEAN bersama rakan dialog ASEAN sebagai faktor kunci pemberdayaan belia yang mampan. Tiga bidang utama di mana kerjasama dan hubungan serantau telah menyumbang ke arah pembangunan belia, dan komuniti adalah melalui:

- Mendorong penglibatan para belia di peringkat akar umbi secara langsung melalui kesukarelawanan, samada di peringkat kebangsaan, serantau mahupun antarabangsa sejajar dengan keutamaan ASEAN untuk membangun Komuniti ASEAN yang prihatin;

- Membolehkan para belia mendakap norma baharu, memupuk minda ke arah pertumbuhan pembangunan dan menyesuaikan diri dalam era transformasi digital. Sebagai misalan, inisiatif "Go Digital ASEAN" yang bertujuan untuk melengkapkan 4,000 usahawan mikro dan belia tidak bekerja dari Negara Brunei Darussalam dan ASEAN dengan teknologi kemahiran dan peralatan di Negara Brunei Darussalam dan ASEAN; peranan belia dalam mewujudkan pasaran maya (dalam talian) di negara ini serta pemacu ke arah 'ekonomi manggung (gig economy)'. Kesemua inisiatif ini adalah selaras dengan penemuan 'ASEAN Youth Survey 2020' yang dilaksanakan oleh *World Economic Forum*; dan

- Memberi belia yang 'vulnerable' dengan peluang pembangunan kapasiti serta sokongan agar mereka tidak ketinggalan. Ini dilaksanakan dengan mengambilkira inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan bukan kerajaan dengan cara memberikan mereka pembelajaran sepanjang hayat, latihan kemahiran, program pengembangan keusahawanan serta menyediakan akses melahirkan belia yang berdikari dan berdaya tahan yang mampu merebut dan memaksimumkan semua peluang serta mengatasi segala cabaran yang mereka hadapi.

Mengakhiri kenyataan, Yang Berhormat Dato menyeru agar ASEAN dan rakan strategik ASEAN bergerak bersama ke hadapan untuk memperluaskan akses digital, mempromosikan kemahiran digital, dan juga memberikan bantuan kewangan bagi membolehkan para belia ASEAN menerapkan norma yang baharu dan menjadi mereka siap siaga bagi masa hadapan selaras dengan Pelan Tindakan ASEAN bagi belia.

Semasa persidangan tersebut, para menteri yang bertanggungjawab bagi belia mengeluarkan Kenyataan Bersama mengenai meningkatkan kerjasama belia untuk komuniti ASEAN yang padu dan responsif, bagi makluman Sidang Kemuncak ASEAN ke-37 yang akan diadakan pada bulan November 2020.

Kenyataan ini juga antara lain menyatakan komitmen untuk bekerjasama dengan belia ASEAN ke arah meraih peluang yang tersedia dalam norma baharu agar para belia dapat terus memberikan sumbangan dalam membangun negara dan ASEAN secara keseluruhannya; meningkatkan dialog dan pertemuan pelbagai hala dan dua hala di antara agensi dan pertubuhan belia ASEAN di semua peringkat; melaksanakan Pelan Kerja ASEAN untuk belia 2021 - 2025 secara berkesan yang memberi tumpuan kepada pendidikan, kesihatan dan kesejahteraan, pekerjaan dan peluang; penyertaan dan penglibatan; dan kesedaran, nilai dan identiti ASEAN. Para Menteri juga komited untuk menumpukan perhatian dalam memupuk kesukarelawanan dan kreativiti serta pemikiran yang inovatif di kalangan belia melalui Keusahawanan Belia; serta memastikan inklusiviti dan kemampanan dalam pengembangan kemahiran sebagai persiapan Revolusi Industri Keempat (4IR).

Para Menteri mengalu-alukan Indeks Pembangunan Belia ASEAN Fasa II dan Pelan Kerja ASEAN untuk belia 2021 - 2025 sebagai pendekatan holistik untuk mempersiapkan belia ASEAN dalam menghadapi cabaran yang terhasil oleh 4IR pada era pasca pandemik melalui pendekatan transformatif dalam pembangunan sumber manusia.

Mesyuarat turut dihadiri oleh Yang Mulia Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Said, Timbalan Setiausaha Tetap (Belia dan Sukan) serta pegawai kanan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

• •

PROGRAM PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH DI TEMPAT KERJA

4 NOVEMBER 2020

DEWAN DIGADONG, TINGKAT 1

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADA MANGSA BENCANA KEBAKARAN KAMPONG LIMAU MANIS

7 NOVEMBER 2020

MESYUARAT KE-24 MAJLIS KOMUNITI SOSIO-BUDAYA *ASEAN* (*24th ASCC*); MENYERU KEPENTINGAN KERJASAMA KUKUH ANTARA-TUNGGAK DAN ANTARA-SEKTOR.

Bandar Seri Begawan, 6 November 2020 – Situasi pandemik *COVID-19* menggesa keperluan kerjasama yang lebih kukuh antara-tunggak dan antara-sektor dalam kalangan *ASEAN*, rakan kongsi dan pihak-pihak yang berkepentingan. Perkara ini telah ditekankan oleh Yang Berhormat Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam, semasa menghadiri Mesyuarat ke-24 Majlis Komuniti Sosio-Budaya *ASEAN* (*24th ASCC*) yang diadakan melalui persidangan video hari ini.

Semasa Mesyuarat tersebut, Menteri-Menteri *ASCC* mengukuhkan komitmen negara-negara ASEAN untuk terus bergerak maju dalam mengurangkan impak *COVID-19* terhadap sosio-ekonomi serta meningkatkan usaha pemulihan paska pandemik.

Menteri-Menteri Majlis *ASCC* merakamkan penghargaan di atas penglibatan dan mekanisme berterusan badan-badan sektoral *ASCC* dalam menangani *COVID-19* melalui kerjasama yang terus dikembangkan di peringkat *ASEAN* dan rakan-rakan sektoral yang lain; dan seterusnya menyokong pelaksanaan inisiatif-inisiatif utama *ASEAN* antaranya *ASEAN Strategic Framework for Public Health Emergencies* dan *ASEAN Comprehensive Recovery Framework (ACRF)* serta Pelan Pelaksanaannya.

Selaras dengan ini, Yang Berhormat Dato telah menekankan beberapa perkara seperti berikut:

- Berhubung *ASEAN Comprehensive Recovery Framework (ACRF)* yang akan diluluskan dalam masa terdekat, dokumen penting ini akan membentuk keutamaan-keutamaan *ASEAN* bagi tahun-tahun yang akan datang. Strategi yang dicadangkan di dalam dokumen tersebut ke arah meluaskan perlindungan sosial dan kebajikan sosial boleh dikembangkan lagi dengan meneliti lebih banyak inovasi melalui pendekatan *whole-of-ASEAN Community*, terutamanya yang memfokuskan kepada mengurangkan keterjejasan masyarakat yang berisiko, dengan mengambilkira kedayatahanan bagi jangka masa panjang.

- Kajian Separuh Penggal (*MTR*) Rangka Tindakan *ASCC* 2025 merupakan satu hasil yang sangat berharga dalam menilai kemajuan *ASCC* di peringkat nasional dan serantau terhadap pelaksanaan Rangka Tindakan *ASCC* 2025, dan menyeru para Pegawai Kanan *ASCC* untuk mengambil tindakan sewajarnya ke atas rekomendasi daripada kajian tersebut, di samping dapat memberikan gambaran yang jelas dalam membuat keputusan.

- Berhubung kenyataan dan deklarasi-deklarasi *ASEAN* yang lalu, adalah penting bagi *ASEAN* untuk mengukuhkan komitmen dalam penyediaan peluang yang saksama, penyertaan dan penglibatan yang efektif masyarakatnya, khususnya para belia dalam pembangunan dan pelaksanaan usaha-usaha *ASEAN*. Dalam hal ini, perbincangan mengenai mekanisme yang bersesuaian antaranya sumbangan ramai semasa terjadinya bencana alam akan membolehkan penglibatan masyarakat dalam *ASEAN* dan rakan-rakan melalui Tabung *ASEAN Disaster Management and Emergency Relief*. Ini akan menjadikan *ASEAN* lebih relevan dengan kehidupan masyarakat, di samping secara langsung selaras dengan cadangan *ASCC* menubuhkan *ASEAN Aid*.

Dalam mengakhiri ucapannya, Yang Berhormat Dato menggariskan keutamaan-keutamaan Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2021, yang mana fokus utama adalah untuk meneruskan kesinambungan usaha-usaha *ASEAN* di tahun-tahun sebelum ini; bagi *ASEAN* meneruskan usaha bersama rakan-rakan *ASEAN*, dengan semangat masyarakat yang pemedulian dan saling berkongsi (*sharing and caring community*) dengan melibatkan serta memanfaatkan masyarakat; komuniti yang sentiasa bersedia; inklusif dan mampan. Ke arah ini, Yang Berhormat Dato menyeru usaha dan sumbangan yang berterusan dari semua Negara ahli dalam mencapai dan merealisasikan kemampanan serta kedayatahanan *ASEAN*.

Semasa mesyuarat tersebut, Menteri-Menteri ASCC juga mengesahkan laporan Mesyuarat Majlis *24th ASCC* yang akan dihadapkan kepada Sidang Kemuncak ASEAN ke-37, dan seterusnya meluluskan dokumen-dokumen hasil (*ASCC Outcome Documents*) untuk pertimbangan Ketua-Ketua Negara/Kerajaan *ASEAN* semasa Sidang Kemuncak *ASEAN* ke-37.

Menteri-Menteri ASCC menghargai peranan aktif dan sumbangan penting badan-badan sektoral ASCC dalam meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat *ASEAN* dan memperkukuhkan perlindungan sosial dan kedayatahanan melalui kerjasama serantau. Ini termasuklah Perkembangan pelaksanaan *ASEAN Enabling Masterplan 2025: Mainstreaming the Rights of Persons with Disabilities; the ASEAN Culture of Prevention (CoP) Declaration for a Peaceful, Inclusive, Resilient, Healthy and Harmonious Society;* serta pencapaian *ASEAN Commission on the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children (ACWC)* ke arah menangani keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak, mempertingkatkan perlindungan kanak-kanak dan menerajui usaha-usaha serantau dalam *gender mainstreaming*, wanita, keamanan dan keselamatan wanita.

P

PROGRAM *WORKPLACE AND HEALTH (WAH)* BAGI PERKHIDMATAN AWAM 2020-2021 UNTUK WARGA KKBS

7 NOVEMBER 2020

MEMPERKASA BELIA SELARAS KEHENDAK PASARAN

Bandar Seri Begawan, Selasa, 10 November 2020 - Dalam mencapai objektifnya, iaitu Memeduli Belia dan Komuniti, Pusat Pembangunan Belia (PPB) menyediakan kursus yang selaras dengan kehendak pasaran ke arah memperkasa mereka dalam meningkatkan kemahiran dan perkembangan jati diri serta memulakan perniagaan melalui perkongsian rakan strategik.

PPB merupakan sebuah pusat yang mempunyai perancangan ke arah transformasi sebagai sebuah pusat kecemerlangan dengan bukan sahaja menyediakan program latihan dan kemahiran hidup yang penting untuk menyokong komuniti dan belia, akan tetapi membantu memperoleh dalam mendapatkan pekerjaan atau bekerja sendiri atau memberi peluang untuk melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi dengan memfokuskan kepada golongan sasaran secara inklusif, seperti belia yang tidak bekerja, ibu-ibu tunggal yang tidak bekerja, mereka yang berpendapatan rendah, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan penerima bantuan kebajikan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Penolong Pengarah PPB, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh semasa Majlis Perasmian Pusat Inkubasi Pakaian PPB-Aewon, Bilik Hospitaliti PPB-Mulia dan Astetika Corporation; Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman Dengan Rakan Strategik, Majlis Penyampaian Sijil Program Komuniti, dan Majlis Pembukaan Rasmi Program YDC De' Café & Restaurant, PPB, bertempat di Dewan Bina Diri, PPB, di sini.

Tambahnya, PPB akan terus mengorak langkah dalam meningkatkan lagi jalinan kerjasama dengan rakan-rakan strategik dari agensi-agensi kerajaan yang lain, pihak industri dan NGO's sebagai Whole of Nation Approach.

Dengan mempunyai dasar 1 Program 1 Rakan Strategik tekannya, adalah diharapkan, PPB akan dapat memberikan latihan kemahiran, program pembangunan dan keusahawanan, program inkubasi dan akses pasaran untuk mengkomersialkan produk dan perkhidmatan para lepasan pelatih.

Selain itu menurutnya, PPB juga akan berperanan seperti 'Job Centre', khususnya dalam memberikan senarai nama-nama pelatih yang masih mencari pekerjaan kepada pihak majikan yang berminat dalam sama-sama membantu mengeluarkan golongan sasaran dari kitaran kemiskinan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Pada acara tersebut, Yang Berhormat mula-mula merasmikan Pusat Inkubasi Pakaian PPB-Aewon dan Syarikat Astetika Corporation. Pusat Inkubasi Pakaian PPB-Aewon merupakan kerjasama di antara Syarikat Aewon Gorment & Embroidery dan PPB dengan tujuan untuk melatih para belia dan komuniti dengan kemahiran dan pengetahuan dalam pengendalian pengeluaran pakaian, khususnya Rekaan Fesyen.

Inisiatif tersebut merupakan Corporate Social Responsibility (CSR) pihak Aewon kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan hasrat untuk sama-sama berganding bahu menghasilkan individu yang berjaya dalam meningkatkan kewangan yang berdaya maju dan berdikari, memperoleh keinginan untuk menceburi bidang industri pakaian tempatan dengan memiliki kedai jahit, berkebolehan untuk mereka bentuk pakaian, atau untuk mencipta dan menghasilkan pakaian jenama mereka sendiri.

Sementara itu, Syarikat Astetika Corporation merupakan sebuah syarikat baharu yang ditubuhkan oleh 10 orang pelatih keluaran Pusat Inkubasi dan beroperasi di Pusat Inkubasi Pakaian PPB-Aewon dengan menawarkan beberapa perkhidmatan seperti menghasilkan baju T-Shirt F1, 'polo shirt', seragam 'coverall', pakaian dapur, baju sukan, pembuatan logo (embroidery), dan lain-lain perkhidmatan jahitan untuk kerajaan, pihak swasta dan individu.

Majlis kemudian diteruskan dengan Penandatanganan Perjanjian Persefahaman (MOU) dengan tiga rakan strategik, iaitu Aewon Garment and Embroidery Company; Royal Brunei Catering Sendirian Berhad (RBC); dan Mulia Hotel yang disaksikan oleh Yang Berhormat, di mana antara inisiatif MOU tersebut adalah menjurus kepada Pembangunan Kapasiti.

Majlis disusuli dengan penyampaian sijil yang disempurnakan oleh Yang Berhormat kepada seramai 47 penerima sijil dari tiga program komuniti yang telah selesai dilaksanakan, iaitu Program Komuniti Warisan Kitani Pembuatan Kuih Muih Tradisi; Program Komuniti Terapi Kecantikan; dan Program Komuniti Rekaan Fesyen, di mana program kemahiran singkat ini adalah sebuah program yang dibukakan kepada orang ramai dan dikendalikan oleh tenaga pengajar PPB.

Acara kemudian diteruskan dengan melancarkan Bilik Hospitaliti PPB-Mulia yang merupakan satu inisiatif dan persiapan awal Brunei Association Hotel dengan kerjasama Mulia Hotel untuk melaksanakan kursus yang berkaitan.

Bilik Hospitaliti PPB-Mulia merupakan 'mock deluxe room' Hotel Mulia yang terletak di Asrama Fa'aizah PPB yang dilengkapi dengan perabot-perabot dari Hotel Mulia, di mana inisiatif ini merupakan sebahagian daripada CSR pihak Brunei Association Hotel dan Hotel Mulia kepada PPB. Acara diteruskan dengan melawat bilik tersebut dan menyaksikan demo daripada wakil Mulia Hotel.

Acara berakhir dengan Majlis Pembukaan Rasmi Program YDC De' Café & Restaurant yang dilancarkan dengan

TAKLIMAT DIGITAL ECONOMY MASTERPLAN 2025

11 NOVEMBER 2020

DEWAN DI GADONG, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA BADAN-BADAN BUKAN KERAJAAN

11 NOVEMBER 2020

LAHIRKAN QARI, QARIAH BELIA YANG BERPOTENSI

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 November 2020- Seramai sembilan peserta iaitu lima qari (termasuk Johan Menunggu Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 2019) dan empat qariah yang terpilih pada peringkat separuh akhir akan memperdengarkan bacaan mereka pada Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1442 / 2020 Peringkat Akhir yang akan diadakan pada 3 Disember 2020 bertempat di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Peserta-peserta qari terdiri daripada Awang Abdull Muin bin Haji Abdul Hamid, Awang Haji Hazwan bin Haji Salim, Awang Afiq Haririe bin Haji Awang Mat Daud, Awang Muhammad Sa'dun bin Suhaili dan Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri.

Manakala peserta qariah terdiri daripada Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri, Dayang Najla Sabreena binti Haji Abd. Rajid, Dayang Nor Izzati Najiah binti Abdullah Roslan dan Dayangku Nurul Sakinah Adawiyah binti Pengiran Ainolazahar.

Seramai 58 penyertaan dari keempat-empat daerah telah pun diterima pada tahun ini. Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Sijil Peringkat Saringan dan Peringkat Separuh Akhir Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1442 / 2020 diadakan petang tadi bertempat di Dewan Silaturrahim, Pusat Belia, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan) KKBS, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said. Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Awang Haji Abdul Halim bin Haji Fuad.

Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Mariam binti Ulat selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya berkata, Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan merupakan salah satu projek tahunan kementerian, yang dihasratkan untuk melahirkan qari dan qariah belia yang berpotensi tinggi sebagai pelapis qari dan qariah Negara Brunei Darussalam.

Sepertimana yang terbukti, qari dan qariah belia dari peringkat musabaqah ini jelasnya, telah berjaya bersinar dan seterusnya menempa nama pada peringkat musabaqah yang lebih tinggi seperti di Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara, Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan, Majlis Tilawah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa dan lain-lain lagi.

Menurutnya, pada tahun ini pihak penganjur menerima 77 permohonan namun hanya 58 peserta sahaja menghadirkan diri pada peringkat saringan dan seramai 19 pemohon menarik diri.

"Jumlah ini ketara amat menurun dari tahun 2019 di mana seramai 105 telah mendaftar dan 86 permohonan pada tahun 2018. Pihak penganjur amat berharap agar ramai para belia akan tampil ke hadapan mengikuti acara musabaqah ini di masa akan datang," ujar Dayang Mariam.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil kepada para peserta Musabaqah Peringkat Saringan dan Peringkat Separuh Akhir yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Orang ramai boleh menyaksikan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1442 / 2020 Peringkat Akhir nanti secara langsung melalui akaun Facebook dan Instagram Jabatan Belia dan Sukan '@jbs.bn'.

PLATFORM BELIA BERKONGSI PENGALAMAN

BERAKAS, Sabtu, 14 November 2020 - Program Pertukaran Belia Brunei-Korea 2020 (Brunei Darussalam and Republic of Korea Intergovernmental Youth Exchange Program 2020) yang diadakan secara 'virtual' dihasratkan agar dapat membangun generasi belia yang celik IT – Digital Native dan memperkuatkan hubungan yang sedia ada dengan Republik Korea serta memberikan peluang kepada para peserta untuk berkongsi idea dan pengetahuan mereka serta membina persahabatan di antara kedua-dua buah negara.

Seramai 30 peserta dari Negara Brunei Darussalam dan 10 peserta dari Republik Korea menyertai program pertukaran ini. Para peserta merupakan belia-belia yang terdiri daripada Persatuan-Persatuan Belia dan Institusi Pengajian Teknikal berumur di antara 16 hingga 19 tahun.

Program anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dan Korea Youth Work Agency (KYWA) ini diadakan selama tiga hari pada 31 Oktober 2020, 1 November 2020 dan 14 November 2020 bertempat di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Sehubungan itu, Majlis Penutup Program diadakan bertempat di Bilik VIP, Tingkat I, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penutup tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said.

Majlis penutup dimulakan dengan video ucapan penutup (rakaman) daripada Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Dalam ucapannya, Pengiran Mohammad Amirrizal menyatakan, wabak pandemik COVID-19 yang melanda dunia mengajar kita semua untuk menerapkan norma baharu untuk kita terus menyesuaikannya.

Dari sini ujarnya, belia-belia kedua buah negara mempunyai peluang keemasan untuk berbincang bagaimana untuk terus melangkah ke hadapan dan bertukar-tukar pandangan mengenai cara terbaik untuk membuat amalan baharu.

Program pertukaran yang dianjurkan secara 'virtual' ini tambahnya, membolehkan para belia yang inovatif dan membuat trend sebagai digital asli untuk menggunakan media sosial sebagai platform yang berkesan untuk interaksi yang membina, membincangkan isu dan berkongsi pandangan.

Pengiran Mohammad Amirrizal menambah, kita juga perlu mencari jalan untuk memperbaiki hubungan antara kedua-dua buah negara, bertujuan untuk mengeratkan persahabatan dan persefahaman dalam persekitaran yang harmoni dan mesra.

"Ini bertujuan untuk mengukuhkan dan meningkatkan lagi kerjasama dua hala antara kedua-dua negara. Saya berharap kesemua peserta akan dapat mengambil peluang berguna ini untuk membina idea-idea baharu bagaimana kita dapat meningkatkan perlaksanaan program ini di masa depan," ujarnya.

Majlis juga mendengarkan ucapan daripada wakil peserta Negara Brunei Darussalam, Awang Mohammad Riwandy bin Ramli serta ucapan daripada wakil peserta Republik Korea, Seoyeon Jung dan diteruskan dengan tayangan video Brunei Darussalam and Republic of Korea Intergovernmental Youth Exchange Program 2020 (Virtual) serta penerangan ringkas mengenai cenderahati kenang-kenangan dari kedua-dua buah negara.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat majlis.

Program kali ini membawa tema 'Far in Distance, Close at Heart'. Antara pengisian program merangkumi sesi suai kenal; pertukaran budaya; dialog berkumpulan mengikut topik yang diberikan iaitu Global Issues : Our Daily Life After COVID-19, Youth Trends : Favourite YouTube Channel and Content and Cultural Diversity : Daily and Weekly Routine During COVID-19; pembentangan topik dan sesi perkongsian.

Program ini merupakan program tahunan akan tetapi perbezaannya bagi tahun ini adalah ia dilakukan secara dalam talian. Para peserta diberi peluang untuk berbincang mengenai kesan COVID-19 ke atas kehidupan seharian mereka. Tambahan pula, program ini adalah salah satu daripada beberapa program yang sedia ada yang meneroka secara atas talian sebagai norma baharu.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada para peserta dari kedua buah negara untuk berkongsi pengalaman mereka, pembelajaran, dan cabaran pra, semasa dan pasca COVID-19 di samping meningkatkan lagi kerjasama di antara kedua-dua buah negara serta mewujudkan satu platform bagi golongan muda di Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea untuk mengambil bahagian dalam dialog tentang budaya masing-masing.

AWANG HAJI KAHAN JUARA BPOTY 2019

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 November 2020 - Awang Haji Kahan bin Haji Nasir berjaya merangkul gelaran juara apabila diumumkan sebagai Best Photographer of The Year (BPOTY) 2019, pada Majlis Malam Penghargaan Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam (PFNBD), yang diadakan di Restoran RB Golf Club, Berakas, di sini.

Beliau yang juga merupakan penerima BPOTY 2018, menerima hadiah, trofi, 'vest' dan sijil penyertaan.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah, Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus.

Sementara itu, pemenang bagi acara Outing dan Sharing bagi Tahun 2019, disandang oleh Awang Amri bin Haji Md. Salleh.

Manakala Anugerah Khas Pertubuhan diberikan kepada dua Ahli PFNBD, iaitu Awang Ahlimun; dan Hadianas Amirwardi bin Haji Mohamad.

Para penerima bagi anugerah tersebut memberikan sumbangan yang besar dan sangat bermakna, dari segi material, buah fikiran dan tenaga yang berterusan sepanjang tahun 2018 dan 2019.

Sejak acara ini mula diadakan, sebanyak empat orang ahli telah pun diberikan anugerah khas ini.

Bagi Anugerah Honorary Fellowship of Brunei Photographic Society (Hon. FBPS) pula, para penerima, terdiri daripada A. Haji Jinnidi bin A. Haji Mahali; dan Awang Haji Kahan.

Salah satu kriteria penerima anugerah tersebut ialah komitmen mereka dalam ahli jawatankuasa tertinggi pertubuhan selama 10 tahun berturut-turut dan mempunyai rekod perilaku juga disiplin yang sangat memuaskan.

Pemberian anugerah-anugerah berkenaan setentunya sebagai suntikan semangat dan pendorong kepada ahli-ahli lain agar tetap terus komited juga sentiasa mempunyai usaha-usaha untuk kemajuan pertubuhan.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat turut menyampaikan Sijil Penghargaan kepada mantan Ahli Jawatankuasa Tertinggi PFNBD Tahun 2018 - 2019.

Acara Malam Penghargaan tersebut merupakan satu aktiviti yang diadakan dua tahun sekali setelah selesainya mesyuarat agung (pembubaran ahli jawatankuasa yang lama).

Ia dikhususkan bagi menghargai dan tanda terima kasih pihak pertubuhan atas komitmen juga sokongan padu semua ahli dalam apa jua aktiviti dan projek yang diungkayahkan oleh PFNBD juga kerjasama bersama pihak-pihak kerajaan dan NGO-NGO lain.

Selain itu, acara tersebut juga untuk mengeratkan lagi tali Ukhuwah sesama ahli.

Majlis Malam Penghargaan PFNBD turut diselitkan dengan pameran gambar daripada para ahli, bertemakan 'Negaraku Brunei Darussalam'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 November 2020- Seramai 40 orang belia berusia 22 hingga 35 tahun dari Brunei dan Republik Singapura menyertai Program Pertukaran Pemimpin Belia Singapura-Brunei (SBYLEP) Ke-7 yang berlangsung secara dalam talian selama empat hari bermula hari ini dan akan diteruskan lagi pada 19, 23 dan 25 November ini.

Program berkenaan dikendalikan bersama oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Majlis Belia Kebangsaan (NYC) yang merupakan sebuah agensi autonomi di bawah Kementerian Kebudayaan, Komuniti dan Belia, Republik Singapura.

Tema program kali ini adalah 'Masa Depan Tenaga Kerja' yang mengambil kira perkara-perkara seperti masa depan pekerjaan dan tenaga kerja menghadapi perubahan dramatik yang didorong oleh teknologi, globalisasi, demografi, nilai sosial dan harapan peribadi yang berkembang daripada tenaga kerja khususnya milenial dan *Gig Economy* demi memahami impaknya ke arah memastikan negara dapat meredakan risiko dan peluang untuk pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mengelakkan daripada menimbulkan ketidaksamaan yang lebih besar dalam ekonomi.

BYLEP 2020 dirancang untuk menangani isu peranan pemimpin muda dalam menentukan pekerjaan dan kerjaya mereka.

Dengan perlaksanaan program berkenaan, ia dihasratkan agar dapat melahirkan pemimpin-pemimpin daripada kalangan generasi muda (Singapura dan Negara Brunei Darussalam) yang dapat bekerjasama dalam mengukuhkan hubungan antara kedua-dua buah negara serta dapat memperkasakan hubungan dua hala antara Singapura dan Negara Brunei Darussalam dengan menggalakkan pemahaman dan perpaduan pemimpin *Nextgen* dari kedua buah negara. Di samping itu, ia juga diharapkan dapat meningkatkan kefahaman terhadap dasar, sistem dan hubungan negara serta menggalakkan perbincangan dan pertukaran fikiran serta pandangan atau saranan dalam kalangan delegasi kedua-dua buah negara.

SBYLEP merupakan program strategik bagi kedua-dua buah negara yang diadakan secara bergilir di samping mengalakkan program pertukaran bagi pemimpin masa depan (Nextgen Leaders). Objektif program adalah untuk memperkukuhkan hubungan dua hala antara Singapura dan Brunei dengan mempromosikan persefahaman dan perpaduan antara pemimpin akan datang dari kedua-dua buah negara dan meningkatkan persefahaman dan penghargaan terhadap dasar, sistem dan hubungan dua hala.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mempromosikan dialog substantif dalam kalangan peserta dengan pemikiran pemimpin daripada pelbagai sektor 3-P.



71 LUKISAN RETROSPEKTIF DIPAMERKAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 November 2020 - Pameran lukisan retrospektif karya Haji Osman bin Haji Mohammad bertajuk 'Timeless' kini boleh dikunjungi bermula Jumaat, 20 November hingga Ahad, 29 November 2020 bertempat di Chancery, Bangunan Kedutaan Republik Turki, Kampung Manggis Satu.

Majlis pembukaan rasmi pameran tersebut disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa hadir selaku tetamu kehormat.

erdahulu, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mehmet Suat Akgun dalam ucapan alu-aluannya menggelar Haji Osman bin Haji Mohammad sebagai seorang 'visual archivist' kerana pemandangan sebahagian karya lukisan yang dihasilkan pada setiap dekad sejak 1970-an sudah tidak ada kerana berubah disebabkan pembangunan.

Tuan Yang Terutama juga berharap lebih banyak artis dan pelukis tempatan mempamerkan karya lukisan dan lukisan kontemporari mereka untuk dinikmati oleh orang ramai, seterusnya menjadi tarikan pelancong ke negara ini.

Sebanyak 71 buah lukisan karya Haji Osman bin Haji Mohammad terdiri daripada lukisan 'watercolour', akrilik dan lakaran yang dihasilkan sepanjang lima dekad penglibatannya dalam seni lukis dipamerkan untuk dinikmati oleh para pengunjung dengan turut menampilkan lapan karya Pengurus dan Kurator Galeri Seni Creative Space, Osveanne Osman.

Pameran dibukakan bermula 9.30 pagi hingga 5.00 petang di sepanjang pameran berlangsung, kecuali Jumaat, di mana ia akan ditutup di antara 12.00 tengah hari dan 2.00 petang.

Lawatan Eksklusif bagi Guru-guru bersempena Hari Guru juga akan diadakan pada 26 November 2020 pada 2.30 petang. Manakala seramai 15 pengunjung akan diberikan peluang untuk melukis di 'ruang cabaran' dengan tema yang dipilih pada setiap hari pameran dibukakan.

Orang ramai boleh menyertai acara sampingan seperti 'live sketching', perbincangan panel, 'master class' bersama artis muda, melukis bersama warga emas, bengkel mengenai pendekatan kreatif dalam menghasilkan seni dan juga ceramah seni bertajuk 'What makes a piece of art, Art?' pada pameran tersebut.

BEKERJASAMA RAPAT, LAKSANAKAN AKTIVITI KESEDARAN AWAM

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 November 2020 - Forum dan Bengkel Peranan Belia dalam Pengadaptasian Perubahan Iklim dan Pengurangan Risiko Bencana yang diadakan selama dua hari yang bermula kelmarin melabuhkan tirainya petang tadi pada majlis penutup yang berlangsung di Pusat Belia Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Pengiran Mohd. Amirrizal dalam ucapannya menjelaskan, pihak penganjur, iaitu Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan seterusnya akan mengungkayahkan program lanjutan daripada forum dan bengkel ini, iaitu Kursus Disaster Preparedness Coordinator (DPC) Siri 2, iaitu kursus yang dikhususkan kepada para belia untuk diiktiraf menjadi ahli DPC-2 dan peserta belia yang mengikuti forum dan bengkel ini juga berpeluang mengikuti kursus berkenaan.

"Belia-belia yang diiktirafkan ini nanti adalah belia-belia yang akan bekerjasama rapat bersama agensi-agensi petindak pengurusan bencana bagi melaksanakan aktiviti kesedaran awam kepada masyarakat dan pengerahan ke tempat-tempat bencana.

"Saya berharap dengan mengikuti forum dan bengkel ini juga, para belia akan lebih peka dan mengetahui kepentingan melaksanakan program, projek dan aktiviti, meneruskan projek-projek dukungan ke arah Pengadaptasian Perubahan Iklim (CCA) dan Pengurangan Risiko Bencana (DRR) di sepanjang tahun dan seterusnya ke arah mencapai Wawasan Negara 2035," tambahnya.

Semasa forum dan bengkel tersebut, para peserta dibahagikan kepada empat kumpulan berdasarkan kejadian bencana yang sering berlaku di negara ini, iaitu banjir, tanah susur, angin kencang dan gegaran serta jerebu dan kebakaran.

Setiap kumpulan diberikan tugasan untuk membincangkan jangkaan hasil bengkel, seperti pembentukan pelan tindakan berkaitan pengadaptasian perubahan iklim dan pengurangan risiko bencana (CCA dan DDR) dengan mengambil pendekatan Whole of Nation melalui pengungkayahan projek, program dan aktiviti berkaitan di masa akan datang secara berkolaborasi bersama agensi-agensi berkepentingan, kerajaan dan swasta.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari dan Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan), KKBS, Kolonel (B) Pengiran Haji Maidin bin Pengiran Haji Said.

PRIHATIN TERHADAP KESIHATAN MENTAL KANAK-KANAK

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 November 2020- Pada hari ini, 20 November, kita meraikan Hari Kanak-Kanak Sedunia (Universal Children's Day) yang membawakan tema, 'Membayangkan Semula (Merenung Semula) Dunia yang Lebih Baik' atau 'Reimagine a Better World'. Tahun ini merupakan tahun yang sangat mencabar bagi seluruh dunia akibat wabak COVID-19.

Negara Brunei Darussalam (NBD) juga tidak terkecuali menerima kesan akibat wabak ini, bukan sahaja terhadap prasarana negara seperti ekonomi dan sektor kesihatan, malah lebih ketara lagi kepada kanak-kanak dan para belia.

Dalam hubungan ini, Forum Kanak-Kanak ASEAN Ke-6 atau 6th ASEAN Children's Forum, yang dianjurkan oleh Kemboja pada 13 Oktober 2020, memfokuskan kepada impak COVID-19, memberikan peluang kepada kanak-kanak di rantau ini, untuk berkongsi pandangan mengenai isu-isu utama yang dihadapi dari perspektif negara masing-masing.

Delegasi NBD secara umum mengongsikan impak terhadap kesihatan mental yang disebabkan oleh kurangnya interaksi dan aktiviti sosial serta cabaran kaedah pembelajaran dalam talian. Walau bagaimanapun, kesan positif wabak ini membolehkan kita mengadaptasi kebiasaan baharu, meningkatkan penggunaan teknologi, kebersihan alam sekitar dan kesedaran tinggi mengenai kesihatan.

Perkara itu antara perincian yang disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa menyampaikan perutusan bersempena Hari Kanak-Kanak Sedunia 2020 yang diraikan setiap 20 November setiap tahun.

Seterusnya, Yang Berhormat terus menerangkan bahawa cadangan forum berkenaan kepada ibu bapa dan keluarga telah dikemukakan bagi menangani impak COVID-19 kepada kanak-kanak dan orang muda, di antaranya adalah untuk sentiasa prihatin terhadap kesihatan mental kanak-kanak, meluangkan masa yang berkualiti bersama mereka dan mengelakkan daripada memberi tekanan untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang di dalam pembelajaran dan peperiksaan semasa keadaan yang tidak menentu ini.

Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia bertujuan untuk meningkatkan semangat kesatuan dan kesedaran mengenai hak dan kesejahteraan kanak-kanak khususnya dalam kalangan masyarakat, keluarga dan kanak-kanak sendiri. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mendengar suara mereka dan menitikberatkan cadangan dan pandangan mereka dalam membuat sebarang keputusan sama ada di peringkat keluarga, masyarakat, mahupun negara, ke arah membentuk masa hadapan yang lebih baik untuk semua.

Yang Berhormat juga menjelaskan bahawa pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengambil berat dan peka terhadap kesejahteraan kanak-kanak.

Melalui kaedah 'Whole of Nation' juga, pihak kerajaan akan terus bergiat aktif demi memastikan anak-anak kita akan sentiasa selamat dan hak-hak mereka akan terpelihara serta mengukuhkan ekosistem perlindungan kanak-kanak dan orang muda yang berumur di bawah 18 tahun di negara ini. Alhamdulillah, ke arah itu, beberapa inisiatif telah dilaksanakan.

Antaranya, Talian-talian bantuan kebangsaan seperti Talian ANAK 121 (A.N.A.K - Anak Negara Aset Kitani) oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang merupakan platform disediakan untuk kanak-kanak, ibu bapa, penjaga dan orang awam untuk menghubungi mengenai isu melibatkan kanak-kanak dan Talian 145 (Talian Harapan) oleh Kementerian Kesihatan, mengenai kesihatan mental.

Kementerian Pendidikan juga menyediakan talian bantuan bagi menyokong kesejahteraan dan kebajikan pelajar.

Seterusnya, pembentukan Rangka Kerja Perlindungan Kanak-Kanak atau National Framework on Child Protection (NFCP) semenjak awal tahun ini, dengan kerjasama padu pihak-pihak yang berkepentingan yang telah meneliti dokumen ini, bagi memastikan ia akan dilaksanakan secara berkesan, sebelum dilancarkan nanti.

Kemudian, penubuhan sebuah Daftar Kanak-Kanak dan Orang Muda yang Memerlukan Perlindungan ataupun 'Register of Children and Young Person in Need of Protection', bagi memudahkan pemantauan antara agensi terhadap kanak-kanak atau orang muda yang perlu diberikan perlindungan dengan cepat.
Akhir sekali, pembinaan bangunan baharu rumah perlindungan di bawah Kompleks Rumah Kebajikan, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) yang berkonsepkan 'Home' bagi menyediakan suasana tempat tinggal yang lebih selesa kepada penghuni kanak-kanak.

Yang Berhormat juga menerangkan bahawa peranan yang dimainkan oleh pelbagai pihak amat penting dalam berganding bahu memberikan bantuan serta sokongan kepada kanak-kanak bagi perkembangan mental, emosi, fizikal dan pendidikan, terutama dari golongan yang terdedah dan berisiko tinggi.

Sebagai contoh, Kempen 'Technology Devices' oleh Kementerian Pendidikan, menyediakan akses kepada sambungan internet dan rancangan TV berkonsepkan pendidikan bagi membantu pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan, memastikan mereka tidak ketinggalan dalam mengikuti pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

Kemudian, bantuan pemakanan melalui catuan pemakanan sama ada di sekolah melalui Kementerian Pendidikan, mahupun bantuan oleh badan-badan bukan kerajaan, agar pelajar-pelajar akan lebih fokus dalam mengikuti pembelajaran.

Akhir sekali, bantuan peralatan sekolah bagi kanak-kanak yang memerlukan, yang aktif diselenggarakan oleh badan-badan korporat dan bukan kerajaan.

Alhamdulillah, semua ini memperlihatkan rasa tanggungjawab yang amat tinggi melalui Whole of Nation terhadap kesejahteraan kanak-kanak dan orang muda kita di negara ini, lebih-lebih lagi dalam keadaan mencabar ketika kita menyesuaikan dan menerapkan norma baharu.

"Marilah kita semua meraikan dan memastikan kesejahteraan kanak-kanak kita di negara ini berterusan, mereka merupakan harta yang tidak ternilai dan penerus generasi kita di masa hadapan serta InsyaaAllah, akan menjadi pemimpin suatu hari nanti dalam memastikan kemapanan ekonomi, kesejahteraan keluarga, agama dan kemakmuran negara," ujar Yang Berhormat.

"Dengan rendah hati, saya ingin mengucapkan 'Selamat Hari Kanak-Kanak Sedunia kepada seluruh kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam, Anak Negara Aset Kitani," ucap Yang Berhormat mengakhiri perutusan sempena Hari Kanak-Kanak Sedunia 2020.

KHATAM AL-QURAN SEMPENA 7 TAHUN PENUBUHAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 November 2020 - Pusat Kegiatan Warga Emas bagi Daerah Brunei dan Muara (PKWE BM) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena 7 Tahun Penubuhan pusat berkenaan yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan, Jalan 77, Rancangan Perumahan Negara Kampung Lambak Kanan.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin serta Datin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan bacaan Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas serta diakhiri dengan bacaan Takhtim oleh peserta-peserta khatam.

Doa Khatam dibacakan oleh Guru Pembimbing Mukaddam PKWE BM, Awang Yadly bin Haji Yusof dan diselajurkan dengan Dikir Marhaban serta diakhiri dengan Doa Peliharakan Sultan dan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Mohammad Hisamuddin bin Haji Mahmud.

Pembacaan Al-Quran dimulakan sejak September 2020 hingga 30 juzuk secara perseorangan. Kegiatan pembacaan Al-Quran ini sangat menggalakkan dan PKWE BM akan menjadikannya sebagai projek tahunan.

Antara objektif Majlis Khatam Al-Quran ini diadakan adalah untuk menggalakkan dan membimbing dan mendidik ahli-ahlinya dengan aktiviti pembacaan Al-Quran untuk dijadikan amalan seharian di samping mengamalkan pengajaran yang terkandung di dalam Al-Quran sekali gus dapat mempertingkatkan lagi mutu bacaan supaya membaca dengan lebih betul.

MERAIKAN HAK KANAK-KANAK

JERUDONG, Sabtu, 21 November 2020- Negara Brunei Darussalam bersama negara-negara di seluruh dunia pada setiap 20 November meraikan Hari Kanak-Kanak Sedunia (Universal Children's Day - UCD).

Sambutan UCD pada tahun ini membawakan tema,'Reimagine A Better World', yang bermaksud kanak-kanak digalakkan untuk memberikan pandangan bagi memperbaiki situasi dunia yang berkaitan dengan mereka dari segi pelajaran dan kesihatan.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) mengadakan Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia Kali Ke-14 di The Colonnade, Jerudong Park Playground, di sini, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat dan merasmikan sambutan tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Seramai 110 kanak-kanak yang terdiri dari Sekolah Ugama Arab Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Sekolah Arab Rimba, Sekolah Antarabangsa Brunei, Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah Rendah Chung Hwa, Sekolah Rendah Sengkurong, Sekolah Rendah Jerudong, Sekolah Menengah Sayyidina Hassan, Sekolah Menengah Sayyidina Husain, Pusat Bahagia Brunei Muara dan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam hadir bagi sama-sama meraikan acara sambutan tersebut.

Acara dirasmikan dengan gerak aksi pemecahan belon-belon oleh Yang Berhormat bersama kanak-kanak untuk mendedahkan ilustrasi lukisan kanak-kanak dari Pusat Bahagia dan Kompleks Rumah Kebajikan, di mana lukisan tersebut merupakan bayangan dunia yang lebih baik bagi mereka.

Belon-belon yang menutupi ilustrasi berkenaan adalah ibarat rintangan penghalang, dan pemecahan belon oleh Yang Berhormat bersama kanak-kanak melambangkan kerjasama yang diperlukan di antara kanak-kanak serta orang dewasa demi mencapai dunia yang lebih baik untuk kanak-kanak dan kita semua.

Antara tujuan sambutan tersebut ialah untuk mempromosikan dan meraikan hak kanak-kanak berdasarkan artikel-artikel yang terdapat di dalam Konvensyen Hak Kanak-Kanak (Convention on the Rights of the Children - CRC); mempromosi dan menyokong perkembangan kanak-kanak secara inklusif dari segi fizikal, mental, kerohanian dan sosial serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat, terutama untuk sentiasa memastikan anak-anak dilindungi dari segala jenis keganasan dan pengabaian serta memelihara hak dan keperluan semasa kanak-kanak dan pada masa hadapan.

Pelbagai aktiviti turut diadakan yang berbentuk permainan, interaktif dan juga pembarigaan khusus untuk kanak-kanak dan orang ramai.
Aktiviti yang disediakan adalah mengenai pembangunan sosial, fizikal, mental dan kerohanian, akademik, kesenian dan kebudayaan, di samping menyediakan pameran dari pelbagai perkhidmatan, demonstrasi dan pembarigaan mengenai perkhidmatan untuk kanak-kanak seperti Talian ANAK 121.

Sambutan yang diadakan pada hari ini adalah kerjasama di antara agensi-agensi kerajaan dan Persatuan Badan-badan Bukan Kerajaan yang terdiri daripada Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan; Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan; Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama; Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, KKBS; Dewan Bahasa dan Pustaka, KKBS; Pusat Pembangunan Belia (PBB), KKBS; Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM); Majlis Kebangsaan Orang Kelainan Upaya (MKOKU); Sukarelawan Belia; Buzzing Bees; Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT); Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD); dan juga pihak Jerudong Park Playground.

Juga hadir, Pesuruhjaya Hal Ehwal Kanak-Kanak dalam ASEAN Commission on the Promotion and Protection of Women and Children (ACWC), Dato Paduka Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman; Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; Ketua-ketua Jabatan; serta pegawai-pegawai kerajaan dan Persatuan Badan-badan Bukan Kerajaan.

LATIHAN, AKTIVITI PKBN DIKONGSIKAN

BERAKAS, Sabtu, 21 November 2020 - Seramai 250 bakal Pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) mengikuti Sesi Taklimat Ibu Bapa dan Bakal Pelatih PKBN Pengambilan Ke-10, yang diadakan menerusi dua sesi, iaitu sesi pagi dan sesi petang, di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Hadir dan seterusnya menyampaikan taklimat berkenaan, Pengarah Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN), Kolonel (B) Pengiran Haji Zulkifli bin Pengiran Haji Ismail selaku Pengerusi Majlis.

Taklimat tersebut bertujuan untuk memberikan penjelasan terhadap latihan-latihan dan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan oleh para pelatih selama tiga bulan atau 102 hari nanti, yang akan bermula pada 29 November 2020 hingga 10 Mac 2021.

Di samping itu juga, ibu bapa atau penjaga dan bakal pelatih seterusnya dijelaskan mengenai barang keperluan yang perlu dibawa oleh para pelatih ke Kem Latihan PKBN Batu Apoi, Daerah Temburong juga penyediaan kemudahan-kemudahan yang akan disediakan kepada bakal pelatih di sepanjang latihan dan menerangkan mengenai langkah-langkah keselamatan khusus bagi menangani pandemik COVID-19 di sepanjang latihan dijalankan, sama ada di dalam mahupun luar kem latihan, disampaikan oleh Komanden Kem PKBN, Mejar (B) Haji Mohammad bin Dollah.

Sesi diteruskan lagi dengan Taklimat Perjanjian Ibu Bapa, menerangkan mengenai peraturan-peraturan dan undang-undang yang perlu dipatuhi oleh setiap pelatih semasa menjalani latihan, disampaikan oleh wakil dari Pejabat Peguam Negara, Awang Ratno Eddy Sophian bin Haji Zaidi.

Sesi terakhir, iaitu sesi soal jawab bertujuan untuk memberikan peluang kepada ibu bapa atau penjaga bagi mengajukan sebarang pertanyaan sekiranya terdapat perkara-perkara yang memerlukan penjelasan lanjut.

PENGHARGAAN BUAT KOMITMEN KESUKARELAWANAN, PEMBANGUNAN BELIA

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 November 2020- Majlis Belia Brunei (MBB) buat julung-julung kalinya, pada tahun ini, menganjurkan Malam Penghargaan, dihadiri oleh seramai 100 belia daripada pelbagai organisasi yang menjadi ahli dalam MBB, di Mangrove Paradise Resort, Kampung Sungai Belukut.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, sekali gus merasmikan Majalah Digital Pertama MBB dengan gelaran 'YouNite'.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Ash'ari; dan Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said.

Objektif utama perhimpunan adalah sebagai tanda terima kasih dan penghargaan kepada semua ahli gabungan dan bersekutu MBB kerana komitmen juga sumbangan para ahli khasnya, dalam tempoh sepanjang dua tahun ini.

Turut diraikan ialah para belia yang berkomitmen tinggi lagi berterusan sesuai penilaian langsung pucuk kepimpinan organisasi masing-masing selaras dengan Resolusi Kongres Belia Kebangsaan (KBK) 2019 untuk meningkatkan penglibatan belia.

Dalam usaha mengimbas kembali beberapa penglibatan dan pencapaian MBB sepanjang dua tahun, sebuah video ditayangkan dengan mempamerkan perjalanan majlis.

Berperanan sebagai badan induk kepada segala daya usaha belia (Badan Bukan Kerajaan), Yang Dipertua Majlis, Awang Md. Aidil Firdaus bin Haji Jukin, menyentuh mengenai identiti anak Melayu Brunei, tujuh puak bersatu hati, untuk perhatian dan renungan bersama, beliau sempat memetik beberapa potongan ayat suci Al-Quran i) Surah Adh-Dhuha (93) : 11; dan ii) Surah Al-Bayyinah (98) : 8 dalam ucap tamanya.

Majalah 'YOU NITE' dibuat oleh para pelatih sementara majlis, iaitu selama tempoh mereka bekerja, mulai September hingga Oktober 2020, dibimbang bersama oleh Timbalan Yang Dipertua, Md. Haziq Hisyam Md. Zaki; dan Pengerusi Tetap Tertinggi MBB, Nurizzatul Izzah Haji Rahman.

Seramai 30 belia diberikan penghargaan dengan Anugerah MBB's Most Aspiring Youth 2020.

Gelaran berprestij tersebut diberikan bertujuan untuk mengetengahkan belia yang menonjol dalam organisasi masing-masing dan MBB, bagi mempromosikan platform yang sedia ada.

Pencalonan diterima daripada organisasi masing-masing berdasarkan etika yang tinggi dan komitmen mereka terhadap kesukarelawanan juga pembangunan belia.

Para belia diharap untuk lebih giat berkecimpung bagi terus memainkan peranan penting masing-masing, iaitu dengan melibatkan diri, memimpin, membentuk, memacu dan seumpamanya ke arah pembangunan Negara Zikir, termasuk sama-sama merealisasikan Wawasan Negara 2035.

PELAKSANAAN KURSUS SELARAS KEHENDAK PASARAN PEKERJAAN

SALAMBIGAR, Isnin, 23 November 2020- Seramai 10 peserta akan memulakan sesi pembelajaran dan latihan bagi Kursus Penyembelihan dan Butchering yang merupakan kursus kali pertama diadakan oleh Pusat Pembangunan Belia (PPB).
Manakala lima peserta pula akan memulakan Program Singkat Kursus Kemahiran Street Art Haircut (Tukang Gunting Rambut Lelaki) Kohort 2.

Sehubungan itu, Majlis Perasmian bagi dua buah Program Komuniti ini diadakan pagi tadi dan disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said.

Kursus Penyembelihan dan Butchering bertujuan untuk memberikan latihan kemahiran dalam bidang penyembelihan dan 'butchering' kepada para belia dan individu yang berminat di samping juga memberikan peluang kepada individu mempelajari hukum dan kaedah penyembelihan serta seterusnya mempelajari kaedah-kaedah melapah daging dengan betul.

Kursus ini akan berjalan selama tiga bulan iaitu dua bulan bagi fasa pembelajaran dan latihan kemahiran dan sebulan pula bagi fasa penempatan kerja di industri-industri berkaitan. Kursus ini adalah kerjasama di antara PPB dengan beberapa agensi kerajaan seperti Badan Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah dan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Ia juga disokong oleh pihak industri seperti Golden Chicks Abattoir Sdn. Bhd, Jamahat Haji Liman Abattoir, Syarikat Mohammed Nurfaidzal bin Haji Zainuddin dan Anak-Anak dan Syarikat Assulay di mana para peserta akan ditempatkan bagi mempelajari kemahiran ini secara praktikal.

Melalui kursus ini adalah diharapkan kelak para peserta ini akan memperoleh kemahiran yang baharu mahupun yang 'upskilling' setaraf dengan pekerja profesional dalam bidang penyembelihan dan 'butchering'.

Selain itu, bagi peserta yang berminat untuk membuka perniagaan adalah disarankan untuk mendaftarkan syarikat mereka dan menjalankan perniagaan menggunakan kemahiran yang mereka peroleh.

Pelaksanaan kursus ini adalah selaras dengan kehendak pasaran pekerjaan dalam sektor industri hospitaliti. PPB akan sentiasa bergerak aktif dalam menyediakan kursus-kursus yang relevan dengan kehendak industri sekali gus memastikan peluang-peluang kerjaya dan hala tuju yang jelas kepada setiap peserta yang mengikuti kursus-kursus di PPB.

Sementara itu, Program Singkat Kursus Kemahiran Street Art Haircut (Tukang Gunting Rambut Lelaki) Kohort 2 dilaksanakan bertujuan untuk memberikan tahap kemahiran, pengetahuan dan kefahaman kepada peserta dalam bidang tukang gunting rambut lelaki dan memberikan peluang baharu sama ada dalam kerjaya mahupun kemahiran diri peserta sepertimana program pertama sebelumnya.

Tenaga pengajar bagi program ini adalah daripada Pengasas Chaps and Rebels Barbershop iaitu Awang Jay. Program ini dijalankan selama tiga bulan bermula bulan November 2020 dan akan berakhir pada Februari 2021.

Turut hadir pada majlis tersebut, Penolong Pengarah PPB, Dayang Fauziah binti Haji Mohammad Salleh serta pegawai-pegawai dari KKBS.

MENGANGKAT KESENIAN, WARISAN ISLAM

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 November 2020- Pameran dan Bengkel Kaligrafi Islam kali ini memfokuskan kepada gabungan kaligrafi Islam dan lukisan ilustrasi kontemporari bertujuan untuk mengasah bakat dan mempertingkatkan kreativiti dan kualiti karya kesenian Islam yang dihasilkan oleh masyarakat tempatan.

Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari menjelaskan, para artis akan didedahkan dengan kaligrafi Islam, manakala para penulis khat jawi akan didedahkan dengan seni lukis kontemporari.

"Alhamdulillah, gabungan antara penggiat seni kaligrafi dan seni lukis akan memantapkan lagi dukungan terhadap kemajuan seni, terutama kesenian Islam di negara ini serta akan dapat mengangkat kesenian dan warisan Islam terhadap pemeliharaan dan penyebaran ketamadunan Islam," ujarnya ketika menyampaikan ucapan alu-aluan pada Pameran dan Bengkel Seni Khat dan Lukisan Kesenian Islam dan Aktiviti sempena Sambutan Hari Antarabangsa Kesenian Islam.

Sambutan International Islamic Art Day, katanya, satu inisiatif ke arah melaksanakan 'The Resolution of the General Conference of the United Nations Education, Scientific and Cultural Organization (Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu - UNESCO)'.

Berucap pada majlis di Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam (PPKKI), Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Dayang Hajah Nor Ashikin menambah, Resolusi Proklamasi 'International Day of Islamic Art' telah diadaptasi semasa persidangan 'The 40th Session of the General Conference 2020'.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Majlis tersebut juga mengambil sukut pengisytiharan Bandar Seri Begawan (BSB) sebagai Ibu Negara Ketamadunan Islam bagi Rantau Asia Tahun 2019 dan diadakan bagi meraikan seni budaya Islam serta memperlihatkan budaya dan nilai-nilai kehidupan seharian yang berlandaskan kepada Falsafah Melayu Islam Beraja yang kekal diamalkan lebih dari 600 tahun dahulu.

Sehingga hari ini, agama Islam di negara ini berkembang dari pelbagai aspek, seperti pendidikan, sosial, perundangan, ekonomi, kesenian dan pentadbiran.

Pelbagai projek dan kegiatan diadakan bersempena dengan Sambutan Bandar Seri Begawan Ibu Negara Ketamadunan Islam Bagi Rantau Asia Tahun 2019, yang dianjurkan dengan inisiatif dan pendekatan Whole of Nation Approach melibatkan pihak-pihak yang terlibat, seperti kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan, pihak swasta, persatuan-persatuan dan individu dalam sama-sama menjayakan sambutan berkenaan.

Projek dan kegiatan yang dilaksanakan secara tidak langsung meningkatkan kesedaran dan penghayatan orang ramai dan masyarakat mengenai Islam dan ketamadunan Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pengiktirafan tersebut merupakan satu penghormatan yang amat tinggi nilainya bagi BSB dan merupakan satu mercu tanda penting yang bersejarah bagi NBD secara amnya.

Sebagai usaha dalam memanfaatkan lagi pengiktirafan Bandar Seri Begawan Ibu Negara Ketamadunan Islam Bagi Rantau Asia Tahun 2019, selaras dengan objektif Sambutan International Islamic Art Day, khususnya dalam menggalakkan penghargaan terhadap ekspresi seni Islam (dahulu dan kontemporari) dan menghargai kepelbagaian, Pameran dan Bengkel Kaligrafi Islam ini mengetengahkan seni khat yang merupakan khazanah dunia tertua yang dimiliki oleh umat Islam yang berperanan mengabadikan Al-Quran dalam bentuk tulisan.

Sementara itu, PPKKI YSHHB dipilih sebagai tempat bagi menganjurkan Pameran dan Bengkel Seni Khat dan Lukisan Kesenian Islam dan Aktiviti Sempena Sambutan Hari Antarabangsa Kesenian Islam, kerana ia adalah bersesuaian dengan peranan pusat tersebut sebagai sebuah institusi pengajian yang menawarkan program pengajian dan memberikan perkhidmatan dalam mengembangkan pelbagai pengetahuan, kecekapan dan kemahiran seni Islam ke arah memartabatkan tulisan jawi, khususnya seni kaligrafi Islam.

Pusat itu juga menyediakan Galeri Kaligrafi dan Kesenian Islam di NBD yang bukan sahaja menyediakan ruang pameran, malah menyediakan pelbagai program dan aktiviti, khusus dalam bidang karya seni khat yang boleh disertai oleh para pengunjung.

Salah satu ruang galeri pusat tersebut mempamerkan koleksi kaligrafi terkenal antarabangsa dan lukisan dari luar negara seperti Turki, China, Indonesia dan Malaysia serta juga hasil karya kaligrafi terbaik dalam negara.

UNESCO mengisytiharkan 18 November sebagai International Day of Islamic Art, untuk disambut pada setiap tahun, dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai aspek seni Islam.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta Besar dan wakil Duta Besar Luar Negara di NBD serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

WORLD STROKE DAY BERI KESEDARAN KEPADA ORANG RAMAI

JERUDONG, Rabu, 25 November 2020 - Strok merupakan salah satu penyebab utama kematian di Negara Brunei Darussalam juga seluruh dunia, di mana satu daripada empat orang dewasa di seluruh dunia akan menghidap strok.

Hari Strok Sedunia (World Stroke Day) 2020 yang disambut setiap tanggal 29 Oktober adalah sangat penting untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai salah satu penyebab kecacatan dan kematian global akibat daripada strok.

Bagi memperingati sambutan tersebut, Pusat Pakar Pantai Jerudong (Pantai Jerudong Specialist Centre -PJSC) mengadakan kempen World Stroke Day 2020 bertempat di Lobi, Aras 2, PJSC.

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat majlis dan seterusnya melancarkan World Stroke Day 2020 ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengerusi Lembaga Pengarah PJSC; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah PJSC; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Terdahulu, Pengarah Pusat Neurosains Strok dan Rehabilitasi Brunei (BNSRC), Pengiran Dr. Hajah Siti Nur 'Ashikin binti Pengiran Dato Paduka Haji Tengah menyatakan sebanyak 400 kes baharu strok di negara ini setiap tahun.

Menurutnya, strok adalah punca kematian yang keempat tertinggi dengan 162 kematian seperti yang direkodkan pada tahun 2019. Jumlah ini terus meningkat seramai 60 orang sejak tahun 2015.

"Strok ini tidak hanya menyebabkan kehilangan nyawa, malahan kesan kecacatan akibat strok juga telah menyebabkan hilang mata pencarian seseorang, keluarga dan masyarakat," ujarnya.

Justeru, beliau berharap dan berdoa agar para pesakit strok akan diberikan kesembuhan dan cepat pulih, walaupun majoriti penghidap strok di seluruh dunia mengalami kecacatan yang berpanjangan.

Majlis tersebut diserikan lagi dengan tayangan video mengenai World Stroke Day 2020, dan kemudiannya diikuti dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang Pertandingan Reka Grafik yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Tetamu-tetamu kehormat majlis juga seterusnya menyaksikan pameran-pameran World Stroke Day 2020 dan persembahan dengan tema '#jointhemovement', di mana pesakit-pesakit strok, penjaga pesakit strok dan BNSRC melakukan senaman harian mereka.

Ini adalah untuk menggalakkan orang ramai untuk cepat bertindak dalam memerangi penyakit-penyakit tidak berjangkit (NCDs), sekali gus untuk melakukan aktiviti fizikal dalam pengurangan risiko terkena strok.

Majlis turut dimeriahkan dengan jualan pakaian 'zip up hooded sweatshirts', 'dri-fit T-shirts' dan banyak lagi.

Tema pada tahun ini ialah '#Dontbetheone', di mana menekankan mengurangkan risiko penghidap strok. Kebanyakan mereka yang menghidap strok mempunyai risiko, seperti tekanan darah tinggi, kolesterol tinggi, kencing manis, buah pinggang, obesiti dan merokok, di mana penyakit-penyakit ini boleh dicegah dengan mengamalkan gaya hidup sihat dan dikawal dengan rawatan yang berkesan.

PERSIAP BELIA INOVATIF, DINAMIK, BERDAYA TAHAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 November 2020- Program Pertukaran Kepimpinan Belia Singapura - Brunei (SBYLEP) adalah platform penting untuk mengeratkan lagi hubungan istimewa antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura, khususnya dalam memberi peluang kepada para belia dan pemimpin belia untuk berinteraksi.

Pelaksanaan program ini dihasratkan agar dapat melahirkan pemimpin-pemimpin dari kalangan generasi muda NBD dan Singapura yang akan dapat bekerjasama dalam mengukuhkan hubungan, menggalakkan pemahaman dan perpaduan pemimpin 'NextGen' dari kedua-dua buah negara.

SBYLEP yang dianjurkan secara bergilir oleh NBD dan Singapura setiap tahun sejak 2014 bertujuan antara lain untuk meningkatkan persefahaman dan penghargaan terhadap dasar, sistem, hubungan dua hala dan isu-isu serantau serta mempromosikan dialog substantif dalam kalangan peserta dengan pemikiran pemimpin dari pelbagai sektor.



SBYLEP Ke-7 Tahun ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan National Youth Council (NYC) di bawah Kementerian Kebudayaan, Komuniti dan Belia, Republik Singapura selama empat hari iaitu pada 16, 19, 23 dan 25 November 2020 secara digital.

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat ke Majlis Penutup SBYLEP Ke-7 adalah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Menteri Negara di Kementerian Kebudayaan, Komuniti dan Belia dan Kementerian Perdagangan dan Industri, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Alvin Tan Sheng Hui.

Kedua-dua Menteri menyambut baik tema tahun ini iaitu 'Future of the Workforce' kerana ia bertepatan dan mengambil kira cabaran masa kini melalui globalisasi, kemajuan teknologi yang pesat dan terutamanya kesan pandemik COVID-19 yang tidak dijangka-jangka.

Di samping itu, kedua-dua Menteri bersetuju untuk mempersiapkan para belia untuk menjadi lebih inovatif, dinamik dan berdaya tahan serta menerapkan 'mindset' untuk sentiasa dapat menyesuaikan diri dan melengkapkan diri dengan kemahiran yang bersesuaian.

Masa depan kerja dan tenaga kerja menghadapi perubahan dramatik yang didorong oleh teknologi, globalisasi, demografi, nilai sosial dan harapan peribadi yang berkembang dari tenaga kerja khususnya Millennials. Oleh itu, Program SBYLEP 2020 dirancang untuk menangani isu peranan pemimpin belia dalam memimpin perubahan kepada trend baharu dalam menentukan pekerjaan dan kerjaya mereka.

Pada majlis tersebut, para peserta juga berpeluang mengemukakan pertanyaan kepada kedua-dua menteri mengenai dengan amalan terbaik dari kedua-dua negara dalam perkara-perkara seperti keusahawanan belia, keusahawanan sosial dan masa depan tenaga kerja di kedua-dua buah negara dalam kebangkitan 'gig economy', iaitu peningkatan minat dalam teknologi kognitif dan 'robotics' yang telah mendatangkan impak terhadap perkembangan pendidikan, kemahiran dan kerjaya.

Majlis Penutup diteruskan dengan sesi perkongsian dari seorang wakil belia Singapura dan NBD serta sesi dialog bersama peserta-peserta belia yang lain.

DIDIK BELIA MENGERJAKAN SEMBAHYANG BERJEMAAH DI MASJID

KUALA BELAIT, Jumaat, 27 November 2020 - Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid bagi Tahun 1442 Hijrah / 2020 Masihi merupakan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Belia-Belia Masjid.

Kali ini Wira Fajar dikendalikan oleh Minda Youth Movement, bertempat di Masjid Kampung Sungai Teraban, Daerah Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha Tetap KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan) KKBS, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said; Pegawai Daerah Belait, Awang Ramlee bin Haji Jamudin; juga Pegawai-pegawai Kanan KKBS.

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah, diimamkan oleh Imam Tingkat II, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Mohammad Hilmi bin Yakop, diikuti dengan Tazkirah Subuh, bertajuk 'Kesukarelawanan', disampaikan oleh Awang Muhammad Yadiy bin Haji Mat Yassin.

Antara pengisian tazkirah, termasuk kepentingan sukarelawan dalam kehidupan bermasyarakat, sifat dan akhlak yang perlu ditanai dalam diri sukarelawan, peranan agama dalam membina jati diri sukarelawan dan peranan sukarelawan dalam mendukung Wawasan Brunei 2035.

Majlis diselajurkan dengan bacaan Surah Al-Kahfi dan Sembahyang Duha dan diakhiri dengan Kempen Kebersihan dalam Masjid.

Majlis turut disertai oleh lebih 200 orang, terdiri daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Teraban; pegawai-pegawai kerajaan; Persatuan-persatuan Belia; belia-belia masjid; sekolah-sekolah; juga penduduk sekitar Kampung Sungai Teraban.

Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid ini merupakan penganjuran kali ketiga dan ia diadakan di daerah-daerah bagi memberikan peluang kepada para belia di daerah berkenaan untuk menyertai Wira Fajar.

Program berkenaan juga bertujuan untuk mendidik diri para belia mengerjakan sembahyang berjemaah di masjid dan memberikan pendedahan kepada para belia dengan aktiviti yang bermanfaat, terutama sekali dalam mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan di masjid-masjid.

Orang ramai, terutamanya para belia, amatlah dialu-alukan untuk menyertai Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid tersebut

BELIA BERKEMAHIRAN MAMPU TINGKATKAN EKONOMI DIGITAL

KOTA BATU, Sabtu, 28 November 2020 - Menguasai kemahiran diri dalam industri kreatif, khususnya seni lukis akan membuka ruang dan peluang kepada kelompok masyarakat yang berhasrat untuk mencipta karya dalam aspek seni lukis.

Ini sudah setentunya akan menyumbang kepada sumber keberhasilan sara hidup ekonomi (tanpa bergantung kepada bantuan) dan pendapatan tinggi kepada negara.

Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, Pengiran Hajah Mahani binti Pengiran Haji Ahmad berucap demikian pada Majlis Pelancaran Pameran Seni Lukis Diversiti dan Majlis Apresiasi Jabatan Muzium-Muzium (JMM) sempena Hari Muzium Antarabangsa dan Hari Arkib Antarabangsa 2020 yang berlangsung di Muzium Teknologi Melayu, di sini.

Hal ini, tambahnya, terbukti dengan kehadiran para belia masa kini yang berpotensi, berkemahiran dan berani tampil setelah mendapat tunjuk ajar daripada pelukis-pelukis profesional sebelumnya.

"Kita mendapati para belia ini mampu menempa nama di persada antarabangsa dan mewujudkan peluang pekerjaan, sekali gus meningkatkan potensi ekonomi digital," ujarnya.

Pelancaran Pameran Seni Lukis Diversiti tersebut disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku tetamu kehormat majlis.

Turut berangkat, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji 'Abdul Qudduus bin Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Juga hadir, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil kepada 20 orang pegawai dan kakitangan yang telah bersara di JMM, tiga orang pegawai dan kakitangan yang menerima Anugerah Pekerja Contoh JMM juga peserta Pameran Seni Lukis Diversiti 2020.

Turut menyertai Pameran Seni Lukis Diversiti tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hamlatul Arsy Mulia binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Sebanyak 198 buah karya lukisan dipamerkan dari 81 orang pelukis yang terdiri dari warga tempatan dan warga asing dari pelbagai peringkat umur, termasuk generasi muda, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan warga emas.

Manakala seramai 22 pelukis OKU pula daripada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam dan Pusat Bahagia, sementara 48 peserta terdiri daripada orang ramai dan 11 orang warga emas.

Bersempena dengan Sambutan Hari Muzium Antarabangsa dan Hari Arkib Antarabangsa yang disambut setiap 18 Mei dan 9 Jun, bengkel teknik dan kaedah asas menghasilkan lukisan akan diajar oleh pelukis-pelukis mengikut kemahiran masing-masing bertempat di Bangunan Muzium Teknologi Melayu.

Selain pameran, pelbagai aktiviti dan program akan dilaksanakan sepanjang lima bulan ini, antaranya tayangan video dokumentari yang bermanfaat yang meliputi aspek sejarah, adat istiadat, pembangunan ekonomi dan sebagainya dari Arkib Negara Brunei Darussalam juga jualan buku-buku, kuiz dan banyak lagi.

Tema yang ditetapkan oleh International Council of Museums (ICOM) pada tahun ini ialah 'Muzium Untuk Kesaksamaan : Diversiti dan Rangkuman', manakala International Council on Archieves (ICA) menetapkan tema, iaitu 'Memperkasa Masyarakat Berilmu'.

Sehubungan itu, orang ramai bolehlah menyaksikan pameran tersebut yang dibukakan selama lima bulan, iaitu bermula pada 28 November 2020 hingga 28 April 2021.

HARI TERBUKA, SUKAN RIA ERATKAN HUBUNGAN

TUTONG, Ahad, 29 November 2020 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) menganjurkan Hari Terbuka dan Aktiviti Sukan Ria yang diadakan di Pusat Bahagia, Daerah Tutong, hari ini bersempena Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) yang diraikan setiap tahun pada 3 Disember di mana tema pada tahun ini ialah 'Bukan Semua Kelainan Upaya itu Nampak Dari Mata Kasar'.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan Hari Terbuka Pusat Bahagia Daerah Tutong ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari; Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; Timbalan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Saidah binti Haji Wahid @ Burut; Ketua-ketua Jabatan; Pemangku Pegawai Daerah Tutong serta Pegawai-pegawai Kerajaan dan Persatuan Badan-badan Bukan Kerajaan.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Pengiran Siti Rahmah binti Pengiran Haji Salleh dalam ucapannya menjelaskan bahawa acara berkenaan merupakan julung kalinya diadakan bersempena dengan Sambutan HAOKU Bagi Tahun 2020.

Jelasnya lagi, Sambutan HAOKU yang disambut setiap 3 Disember dan Negara Brunei Darussalam (NBD) juga tidak terkecuali untuk turut sama meraikan iaitu sebagai penghargaan dan meraikan penyertaan, pencapaian dan perkembangan golongan OKU di dalam masyarakat bagi mengutarakan isu-isu penting yang berkaitan dengan mereka.

Lebih 300 pelatih OKU berserta dengan ibu bapa atau penjaga dari keempat-empat daerah menghadiri Acara Sukan Ria tersebut.

Acara dimulakan dengan Perasmian Hari Terbuka Pusat Bahagia Tutong dengan aksi memotong reben dan melepaskan 'scroll banner' dengan perkataan 'Hari Terbuka Pusat Bahagia Tutong' oleh tetamu kehormat.

Acara dimeriahkan lagi dengan sesi senamrobik bersama dengan para jemputan dan pelatih-pelatih Pusat Bahagia yang diketuai oleh Mohd Nazmi bin Johari dan diselajurkan dengan perasmian Rumah Hijau Tanaman Semaian Bunga yang ditaja oleh Golden Corporation Sdn. Bhd.

Sejurus selepas itu, acara diteruskan dengan lawatan sekitar Pusat Bahagia Tutong, lot jual-jualan dan juga pameran serta acara tersebut juga diserikan dengan penyampaian hadiah-hadiah kepada yang mengikuti Aktiviti Sukan Ria, Pertandingan Kraf tangan dan Lukisan Pelatih-pelatih Pusat Bahagia.

Hari Terbuka Pusat Bahagia Tutong tersebut bertujuan bagi memperingati HAOKU malah acara ini juga bertepatan dengan United Nation Convention of Rights for Persons with Disabilities (UNCRPD) artikel 30 yang menyatakan penglibatan OKU dalam hidup berbudaya, rekreasi, masa lapang dan sukan.

Selain itu, acara ini juga memberikan peluang bagi Pusat Bahagia Tutong membarigakan kepada orang ramai mengenai program-program yang terdapat di pusat tersebut.

Di samping itu, acara berkenaan dapat mengukuhkan lagi hubungan kerjasama Pusat Bahagia di keempat-empat daerah di NBD serta rakan-rakan strategik yang sentiasa memberikan sokongan terhadap OKU di negara ini.

Dalam masa yang sama, ia juga membuka ruang hubungan rangkaian kerjasama dengan pelbagai pihak lain serta keterlibatan OKU dalam kalangan masyarakat kerana mereka adalah sebahagian daripada masyarakat.

Sambutan ini juga diharapkan dapat menggalakkan pelatih dan pelajar berkelainan upaya lebih aktif dalam apa jua jenis sukan untuk menjaga kesihatan serta kecergasan fizikal dan minda.

Pelbagai aktiviti telah diadakan antaranya yang berbentuk pameran dan jualan hasil produk-produk Pusat Bahagia, jualan terbuka ibu dan bapa pelatih serta Pertandingan Kraf Tangan dan Lukisan.

KEJOHANAN BADMINTON LABUH TIRAI

BERAKAS, Ahad, 29 November 2020 - Kejohanan Badminton Liga Berpasukan Kebangsaan anjuran Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam (PBKBD) berakhir hari ini dengan menyaksikan Pasukan Menglait Stingers muncul juara setelah berjaya mengutip 21 mata dari tujuh perlawanan.

Sementara itu, Pasukan Menglait Mavericks menyandang tempat kedua dengan 18 mata dan tempat ketiga dimenangi oleh pasukan Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) dengan 15 mata.

Pada pusingan akhir kejohanan yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah itu, pertemuan di antara Menglait Stingers dan T2A berkesudahan Menglait Stingers menang 5 - 0.

Manakala pertemuan di antara MS ABDB dan Onjatu berakhir dengan kemenangan bagi MS ABDB dengan 4-1.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada juara kejohanan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Juara menerima hadiah berupa wang tunai BND1,000, pingat emas, raket Yonex NS 8000 dan Piala Pusingan. Manakala hadiah bagi tempat kedua menerima wang tunai BND800, pingat perak dan raket Yonex TR 9900 disampaikan oleh Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Mariam binti Ulat.

Hadiah bagi tempat ketiga pula menerima wang tunai BND600, pingat gangsa dan raket Yonex NF 170LT dan disampaikan oleh Yang Dipertua PBKBD, Pengiran Haji Hamzah bin Pengiran Haji Mohammad.

Peralatan 'shuttlecock' semasa kejohanan dan hadiah raket merupakan tajaan daripada Yonex Sunrise Singapore.

Selain itu, kesemua pasukan yang bertanding juga menerima plak penyertaan dan tajaan Purion Water sumbangan Syarikat Leesin Sdn. Bhd., disampaikan oleh Pengurus Perkembangan Perniagaan, Awang Jackie Tan Yu Chui.

Kejohanan yang dijalankan menggunakan format 'round robin' tersebut mempertandingkan Kategori Beregu Lelaki Di Bawah 21 Tahun; Kategori Veteran 50 Tahun Berpasangan dengan 55 Tahun; Kategori Beregu Lelaki Terbuka Pertama; Kategori Beregu Perempuan dan Kategori Beregu Lelaki Terbuka Kedua.

Kejohanan merupakan anjuran bersama PBKBD dan Jabatan Belia dan Sukan, KKBS, dengan penyertaan sebanyak lapan buah pasukan melibatkan 120 pemain. Sejak perasmiannya pada 2 Februari lalu, sejumlah 140 perlawanan telah diadakan dalam tujuh pusingan.

LAWATAN TIDAK BERJADUAL
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KE KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
30 NOVEMBER 2020

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 November 2020- Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) kali ini menjadi tumpuan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam siri Keberangkatan Tidak Berjadual baginda, pagi tadi.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Bangunan KKBS dijunjung oleh Setiausaha Tetap KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan dan Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, KKBS, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus.

Turut hadir, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Sejurus keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di kementerian berkenaan, baginda mula-mula berkenan meninjau secara lebih dekat ke Bahagian Pencen-pencen di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) di Aras 1.

Bahagian ini menguruskan pelbagai pencen, antaranya Pencen Umur Tua, Pencen Hilang Upaya, Pencen Orang Buta, Elaun Bercelaru Mental, Elaun Pesakit Hansen (Kusta) dan juga Elaun Kurang Upaya.

Bahagian tersebut turut menguruskan para penerima yang didapati membuat kenyataan-kenyataan palsu atau menyembunyikan keterangan-keterangan mustahak kerana tujuan-tujuan untuk melanjutkan pembayaran kerana ia adalah salah dari segi Akta Pencen Umur Tua dan Hilang Upaya di bawah Bab 17 dan jika disabit kesalahannya, boleh dipenjara selama enam bulan atau denda BND5,000 atau kedua-duanya sekali.

Kebawah DYMM kemudian berkenan menuju ke Aras 2 yang merangkumi beberapa bahagian dan unit, termasuk Bahagian Bantuan Kebajikan Am; Bahagian Pentadbiran dan Kewangan (JAPEM); Unit Perhubungan Awam dan Aduan; Unit Sumber Tenaga Manusia; Unit Pemeliharaan Aset dan Sistem Kebajikan Negara (SKN).

Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) adalah bantuan kewangan yang dihulurkan bagi membantu meringankan beban individu atau keluarga yang berkehidupan susah dan BKB dihulurkan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Ahli Jawatankuasa Permohonan BKB dan hanya bersifat sementara.

Sementara SKN merupakan satu sistem baharu yang dibangunkan bersama oleh KKBS dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama Kementerian Pendidikan; Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB); Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU); dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) yang dihasrat akan dapat menjadi platform bagi memudahkan masyarakat yang benar-benar memerlukan bantuan membuat permohonan bagi skim-skim bantuan kebajikan yang sedia ada menerusi dalam talian (online).

Selain itu, sistem tersebut antara lain bertujuan untuk menyejajarkan proses pemberian bantuan-bantuan yang dikendalikan oleh agensi-agensi tertentu. Di samping memudahkan tatacara permohonan, sistem ini juga dihasrat untuk meningkatkan lagi kerjasama dan perkongsian maklumat di antara agensi-agensi yang terlibat melalui sebuah Pusat Pengkalan Data (centralized database) bagi memastikan tidak berlakunya ketirisan dan keciciran dalam kalangan rakyat dan penduduk yang layak untuk dibantu.

Baginda selepas itu berkenan berangkat ke Aras 3 yang meliputi Pejabat Pengarah dan Timbalan Pengarah (JAPEM), Bahagian Keluarga, Kanak-Kanak dan Wanita (JAPEM), Bahagian Belia (Jabatan Belia dan Sukan - JBS) dan juga Bilik Mesyuarat Attaqwa.
JAPEM juga berperanan sebagai pendaftar pusat penjagaan kanak-kanak di seluruh negara dan terkandung dalam Penguatkuasaan Akta Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (Penggal 218). Sementara Pusat Penjagaan Kanak-Kanak berperanan sebagai alternatif kepada para ibu bapa untuk menjaga anak-anak damit mereka, terutama semasa waktu bekerja.
Sementara di Aras 4 pula, baginda kemudiannya berkenan melihat secara lebih dekat mengenai fungsi beberapa bahagian, termasuk Pejabat Pengarah dan Timbalan Pengarah JBS. Berperanan untuk membentuk belia agar bertanggungjawab kepada agama, raja, bangsa dan negara melalui program-program kebeliaan dan kesukanan, di samping menyediakan dan melaksanakan program latihan kepimpinan belia dan kemajuan sukan yang berasaskan matlamat dasar-dasar belia dan sukan negara.
Baginda seterusnya berkenan berangkat ke Aras 5 yang meliputi Pejabat Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan), Bahagian Pembangunan Belia dan Sukan (KKBS), Bahagian Kebudayaan dan Kesenian (KKBS), Bahagian Penyelidikan, Perkembangan dan Hal Ehwal Antarabangsa (KKBS) dan Bahagian Perkhidmatan Sosial (KKBS) serta Unit Teknologi Maklumat, termasuk Bilik-bilik Mesyuarat As-Syura dan Al-Ikhlas.

Bahagian Penyelidikan, Perkembangan dan Hal Ehwal Antarabangsa bertanggungjawab dalam menyelaras kedudukan negara bagi hubungan kerjasama dan komitmen sektor-sektor di bawah KKBS dalam mendukung matlamat Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dengan negara-negara luar dan pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa.

Sementara fungsi dan bidang tugas utama Bahagian Kebudayaan dan Kesenian adalah bertanggungjawab untuk memperkembang dan meninggikan nilai kebudayaan Brunei secara keseluruhannya. Ia dihasrat untuk bertindak sebagai jentera penggali segenap akar umbi dan sumber kebudayaan Brunei dan juga selaku media atau agensi pengembang kebudayaan tersebut, di samping menjamin pelaksanaan prinsip asasnya, iaitu konsep Melayu Islam Beraja.

Baginda juga berkenan berangkat ke Aras 7, iaitu Pejabat-pejabat Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap dan selanjutnya baginda berkenan melawat ke Pejabat-pejabat Menteri dan Timbalan Menteri di Aras 8.

Sebelum baginda berkenan mengurniakan titah di Dewan Digadong, baginda juga sempat meninjau ke Aras Bawah 1, iaitu termasuk Unit Pengurusan Estet (UPE), Perpustakaan, Unit Perhubungan Awam, Dewan Citra Budaya dan lainnya.

Baginda kemudiannya berkenan meneruskan Keberangkatan Tidak Berjadual baginda ke Pusat Bahagia Kampung Pulaie yang menyediakan program bimbingan dan asas latihan kemahiran bagi lima kategori OKU (OKU Intelek, Penglihatan, Pendengaran, Anggota dan Berganda).

Sejurus keberangkatan baginda itu, baginda juga berkenan meninjau ke Pusat Pekerjaan Orang Kelainan Upaya bagi 18 tahun ke atas.

Baginda juga berkenan berkesempatan merasa biskut yang dihasilkan oleh para pelajar, di samping menyaksikan kemahiran para pelajar pusat berkenaan.
Selepas itu, baginda berkenan berangkat ke Kelas Bimbingan Asas bagi mereka yang berumur di antara 7 hingga 17 tahun, termasuk Kelas Komunikasi, Kelas Kreatif dan Lukisan serta bilik Pentadbiran pusat berkenaan.

Sebelum mengakhiri Keberangkatan Tidak Berjadual Ke KKBS, baginda juga berkenan meninjau program inkubasi Pusat Pembangunan Belia (PPB) di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, iaitu Barberku, Koperasi Pusat Pembangunan Belia (KOPPB) Berhad, Kedai Jahit serta Gentleman Stitch.

Program Inkubasi PPB merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui KKBS yang berterusan dalam memberikan peluang kepada para belia menggunakan kemahiran yang mereka pelajari.

LAWATAN TIDAK BERJADUAL
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KE KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
30 NOVEMBER 2020

MEMBANGUN KEMAMPUAN KEUSAHAWANAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 November 2020 - Seramai 15 peserta terdiri daripada usahawan tempatan yang mengikuti Program Latihan Keusahawanan 2020 kelolaan Big BWN Project menerima sijil masing-masing pada Majlis Penutup program tersebut yang berlangsung petang tadi di Pusat Pembangunan Komuniti Kampung Bolkiah, di sini.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Pengasas Big BWN Project, Dayang Norhafizah binti Haji Rashid semasa berucap pada majlis tersebut menjelaskan, Program Latihan Keusahawanan ini dikhaskan untuk usahawan belia, usahawan wanita dan masyarakat setempat untuk membantu membangun kemampuan produktif mereka dalam bidang keusahawanan melalui peningkatan kemahiran dan program pertumbuhan yang mampan dan inklusif.

Tambahnya, program yang telah bermula pada bulan Ogos 2020 itu melibatkan 15 usahawan tempatan untuk meningkatkan dan membina kecekapan dan kemahiran keusahawanan mereka melalui sesi perkongsian dan aktiviti menarik untuk menunjukkan kesan positif program bagi meningkatkan prestasi perniagaan dan kedayatahanan perniagaan mereka.

"Program menggunakan kaedah interaktif seperti penetapan tujuan, perancangan dan pemantauan sistematik, inisiatif pencarian peluang, memenuhi komitmen, permintaan kecekapan dan kualiti, mengambil risiko yang dihitung, 'negotiation and network' dan kebebasan dan keyakinan diri dalam perniagaan mereka," ujarnya.

Melalui program latihan tersebut, pihak penganjur berharap akan dapat membantu para peserta untuk membina lebih banyak akses untuk pembiayaan dan pelaburan yang boleh memperkembangkan perusahaan mereka.

Program tersebut juga menunjukkan kesan positif kepada para peserta, sekali gus akan dapat membantu mereka mempertingkatkan lagi sosioekonomi mereka dari pelbagai segi.

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
27 Rabiulakhir 1442 / 13 Disember 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai status terkini jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam bagi Ahad, 27 Rabiulakhir 1442H bersamaan 13 Disember 2020M, setakat jam 12.00 tengahari.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	152		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	1	3	148

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (221 hari yang lalu)	11 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
712	9,256

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
96 sampel	79,238

Sumber Berita:
◊ KKBS
◊ Pelita Brunei
◊ Media Permata
◊ Majlis Belia Brunei

Tim Penerbitan:
◊ Unit Perhubungan Awam, KKBS

Perwajahan dan Aturgambar:
◊ Unit Perhubungan Awam, KKBS

Jurufoto:
◊ YM Dayang Hajah Ajijah binti Haji Ali (KKBS)
◊ YM Pengiran Suhaimi bin Pengiran Haji Othman (KKBS)
◊ YM Awang Haji Norfaizal bin Haji Mat Salleh (KKBS)
◊ Yang Mulia Awang Sufyan Aiman bin Sufri (DBP)
◊ Jabatan Penerangan